

UMS-NUS jalin kerjasama, gabung kepakaran

Usaha mantapkan ekosistem marin

UM 18-12-13 30



DR. Mohd. Harun Abdullah (tengah) menyaksikan perjanjian persefahaman bersama antara UMS dan NUS yang masing-masing diwakili Abdullah Mohd. Said (kiri) serta Chou Loke Ming (kanan) berkaitan pengurusan ekosistem marin di Kota Kinabalu, Sabah, kelmarin.

Oleh **SITTI NOR AZIZAH TALATA**
utusansabah@utusan.com.my

KOTA KINABALU 17 Dis. - Universiti Malaysia Sabah (UMS) terus mengukuhkan keupayaannya dalam memantapkan pengurusan ekosistem marin di negeri ini menerusi jalinan kerjasama dengan Universiti Kebangsaan Singapura (NUS).

Dalam perjanjian persefahaman itu, kedua-dua pihak bakal menggabungkan kepakaran bagi menyumbang kepada pengurusan dan pemuliharaan marin di Sabah.

Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. Mohd. Harun Abdullah berkata, kerjasama tersebut merupakan satu lembaran baru yang pasti akan memberi manfaat kepada kedua-dua pihak.

"Melalui kerjasama ini juga sekali gus mampu membuka mata dunia tentang keupayaan UMS dalam bidang penyelidikan marin. Secara ti-

dak langsung turut menggalakkan kemasukan pelajar antarabangsa ke universiti ini," katanya ketika ditemui selepas majlis menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) di antara UMS dan NUS, di sini semalam.

Dalam majlis itu, UMS diwakili Pendaftarnya, Datuk Abdullah Mohd. Said manakala NUS oleh Pengarah Program Ijazah Sarjana Muda Pengajian Persekitaran, Prof. Chou Loke Ming.

Mohd. Harun berkata, UMS melalui Institut Penyelidikan Marin Borneo (IPMB) akan melaksanakan program tersebut dalam bidang penyelidikan marin khususnya yang berkaitan dengan pengurusan pesisir pantai.

Katanya, kesan perubahan cuaca yang dihadapi oleh ekosistem marin seperti pengasingan laut dan mengenyal pasti spesies habitat marin sangat penting untuk diterokai.

Menurut beliau, kerjasama itu akan menjana pengetahuan relevan buat Malaysia dan Singapura memandangkan kedua negara jiran itu memiliki ekosistem tropika yang sama.

Dalam pada itu Loke Ming berkata, pihaknya tertarik dengan keupayaan UMS dalam bidang penyelidikan sambil menyifatkan Sabah sebagai sebuah negeri yang kaya dengan sumber persekitaran yang menarik.

Menurut beliau, NUS akan melaksanakan pertukaran pelajar dengan UMS dan beberapa kerjasama lain untuk tujuan tersebut.

"Sebagai permulaan kami akan memulakan pengajian bagi kursus persekitaran pantai pada musim cuti panjang di Singapura pada tahun depan dan pengajiannya adalah secara dalam talian selama tiga minggu.

"Selepas itu pelajar akan melalui pembelajaran di tapak lokasi terpilih di Sabah selama tiga minggu," ujarnya.